

Satu peristiwa menyedarkan kamu bahawa sikap tidak peka dan prihatin memutuskan persahabatan. Gambarkan peristiwa tersebut.

Aku mengetuk-ngetuk jari-jemariku di atas meja kafe itu. Mataku mengerling jam di tangan buat kali yang entah ke berapa. Aku menghela nafas panjang. Setiap detik yang berlalu mengikis kesabaranku yang sudah sememangnya tipis. Rengusanku menjadi semakin kerap dengan masa yang berlalu. Tiba-tiba, aku terdengar bunyi derapan kaki, kelim-kabut menuju ke meja empat segi di sudut kafe itu. Seorang remaja perempuan yang sebaya denganku memasuki kafe. Seluar jeans biru pudar dipadankan dengan baju kemeja-T putih. Rambutnya yang kerinting tidak diikat. Anak rambutnya melekat pada dahi yang penuh dengan keringat. Dialah Maria, rakan karibku sejak kami belajar berjalan lagi.

“Maaf, Yan. Aku lambat lagi. Aku ada hal penting tadi,” dia menerangkan sambil termengah-mengah.

Aku hanya merungut perlahan tentang alasannya yang sering digunakan itu. Sengaja aku ingin tunjukkan kepada Maria bahawa aku jengkel kerana sikapnya yang sering lambat kebelakangan ini. Aku turut hairan dengan sikapnya ini sedangkan sebelum ini dia seorang yang selalu tepat pada waktunya. Namun, aku tidak bertanya, hanya melayan perasaanku yang marah. Aku hanya mengeluarkan bahan bacaan untuk projek berkumpulan kami dan memulakan kerja.

Pada keesokan harinya di sekolah, aku masih mendiamkan diri dengan Maria. Aku pun tidak tahu mengapa aku marah sangat atas perkara remeh seperti itu. Ketika kami membuat projek pada hari sebelum itu, aku hanya membuat tugasanku tanpa berbicara. Maria cuba memulakan perbualan beberapa kali, tetapi aku menepis percubaannya dengan balasan ringkas. Lawak jenaka yang dibuatnya sekali sekala aku abaikan. Kemarahanku meluap-luap pada hari ini kerana markahku untuk kertas peperiksaan yang baru dipulangkan tidak memenuhi jangkaan. Sebagai pelajar terbaik dalam kalangan rakan-rakanku, guru-guru meletakkan harapan tinggi kepadaku. Kecewa menghambat perasaanku.

Loceng sekolah berdering, menandakan tamat sekolah dan juga menyedarkan aku daripada lamunanku. Dari ekor mata, aku ternampak Maria sibuk mengemas barang-barangnya, seolah-olah ingin bergegas ke sesuatu tempat. “Kau nak ke mana Maria?” Dia tertoleh dengan wajah yang gelisah. Dia cuba menjawab pertanyaanku namun mulutnya hanya ternganga tanpa suara yang keluar. “Kita harus menghabiskan projek itu hari ini. Esok kita mesti menghantarnya. Kau lupa?” tanyaku dengan resah. “Banyak lagi kerja yang harus disiapkan,” tambahku lagi. Matanya terbeliak. Jelas resah dan gusar silih berganti terpancar di raut wajahnya. Dia termangu-mangu melihatku namun tiada suara yang keluar dari mulutnya. Di tangannya dia sedang menggenggam sesuatu yang kelihatan seperti baju seragam. Aku tidak endahkan, hanya mempedulikan kemarahanku kerana Maria lupa akan projek kami. Projek ini penting untuk markah keseluruhan kami. Setelah markahku rendah untuk peperiksaan sebelum itu, aku bertekad untuk mendapatkan markah tinggi untuk projek kali ini.

Dia memandang barang dalam genggamannya dan aku silih berganti seolah-olah membuat pilihan. Akhirnya, dia bersuara, “Maaf, Dian. A...aku tak...aku...tidak boleh a... maksud aku..aku...” Aku kehilangan kata-kata. Panas relung dadaku bagaikan terbakar. Tanpa menunggu penjelasan Maria yang masih teragap-gagap, aku mengambil begku dengan kasar dan bergegas keluar. Panggilan terdesak Maria di belakanku tidak kupedulikan. Aku menghayun kakiku, makin jauh dan jauh dari rakan karibku.

Hari berlalu dan semakin lama, perhubungan aku dan Maria semakin renggang. Kadang-kala aku terlupa yang aku telah mengenali Maria selama lebih daripada sepuluh tahun. Kini, kami boleh dikatakan bagaikan orang asing. Tidak sesekali pun kami bertentangan mata. Tidak sesekali pun kami bertegur sapa satu sama lain. Sementelahan pula, Maria tidak ke sekolah dengan kerap. Jika dia datang pun, dia kelihatan sangat letih. Lingkaran matanya gelap, mukanya cengkung dan badannya bungkuk. Hatiku terdetik. Aku terganggu sedikit. Bibit-bibit kerisauan mula muncul dalam hatiku. Namun, aku abaikan sahaja. Sikap Maria yang berubah membuatkan aku tidak peduli lagi kesejahteraannya. Tambahan pula, peperiksaan akhir tahun bakal menjelang. Aku harus memberikan seratus peratus tumpuan kepada pelajaran.

Pada minggu peperiksaan, tidak sesekali pun aku melihat kelibat Maria. Perasaan bimbang kini benar-benar melanda hatiku. Setelah semua peperiksaan selesai, aku menelefon Maria. Alangkah terkejutnya aku apabila aku diberitahu nombor itu tidak digunakan lagi. Kerisauanku makin memuncak dan seribu satu soalan tentang keadaan Maria menyerbu mindaku. Tanpa berfikir panjang, aku terus ke rumahnya.

Badai kebimbangan merempuh-rempuh hatiku sedang aku berjalan ke wad hospital itu. Aku dikhabarkan oleh adik-adik Maria di rumahnya bahawa Maria berada di hospital sepanjang minggu itu. Tanpa bertanya lagi, aku terus menaiki teksi ke hospital. Benakku dipenuhi andaian-andaian yang merumitkan. Tapak tanganku yang dibasahi peluh terketar-ketar sambil aku mencapai tombol pintu wad itu. Setelah menarik nafas panjang, aku memberanikan diri menghadapi Maria.

Aku menghela nafas lega apabila melihat Maria duduk di atas kerusi dan bukan di atas katil hospital. Namun, dia sedang menggenggam erat tangan seorang wanita yang terbaring di atas katil hospital. Wayar-wayar dipasang pada tubuh wanita itu. Genggaman tangan Maria dibawa ke dahinya. Matanya terpejam seolah-olah sedang menggenggam detik-detik terakhir bersama wanita itu. Dengan teragak-agak, aku memanggilnya. "Maria." Dia menoleh. Rupa wajahnya lebih kusut daripada kali terakhir aku melihatnya. Dia kelihatan sungguh letih. Matanya memandangkanku redup. Badannya kurus-kering. Apabila dia memandangkanku, dia tersenyum sinis.

"Apa kau buat di sini? Bukankah kau tidak hiraukan aku lagi?" Kata-kata itu terus menikam ke jantung.

"Maria, apa telah terjadi? Kenapa...apa...bagaimana?" aku cuba berbicara.

"Sekarang, baru kau ingin ambil tahu? Selama ini, pernahkah kau bertanya tentang keadaanku? Tidak pernah sesekali pun kau buat begitu. Kau hanya pentingkan diri sendiri. Perasaan kau, pelajaran kau, semuanya! Kau mahu tahu apa yang terjadi? Ibuku terlibat dalam kemalangan jalan raya. Dia dalam keadaan kritikal. Bil hospital terlalu tinggi dan kami tidak ada insurans untuk membantu kami. Oleh itu, aku terpaksa bekerja untuk menampung bil hospital dan adik-adikku. Sebab itulah aku selalu lambat. Sebab itulah aku selalu tergesa-gesa selepas sekolah. Tapi, pernahkah kau peduli? Tidak, bukan? Jadi sekarang, tidak perlulah kau ingin mengambil tahu tentang aku. Sila keluar," laju dia bertutur, mukanya merah kemarahan. Tidak sempat pun untuk aku meminta maaf mahupun menjelaskan diri.

Namun, apabila aku fikir kembali, memang benar. Tidak ada apa pun yang harus aku jelaskan. Memang aku yang bersalah. Ketiadaan sifat prihatin memusnahkan hubungan aku dengan rakan karibku. Aku terlalu mementingkan diri sendiri. Tidak sesekali pun aku ambil tahu tentang Maria; perasaannya, masalahnya, susah dan senangnya padahal dia selalu bersamaku.

Sikapku yang pentingkan diri memutuskan persahabatan yang aku sangat hargai ini. Aku menyesal, sangatlah menyesal.